

Perutusan YAB Timbalan Perdana Menteri


MEMPERKASA PMKS: TUNJANG EKONOMI NEGARA

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bukan sekadar nadi ekonomi Malaysia, namun menjadi pemacu utama yang membentuk daya saing, inovasi dan ketahanan negara dalam menghadapi cabaran global.

Di sebalik landskap yang semakin kompetitif dan mencabar, PMKS terus menunjukkan keupayaan luar biasa dengan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak **5.0%**, menyumbang **RM613.1 bilion** kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2023. Angka ini bukan sahaja mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan **3.6%**, malah jauh meninggalkan pertumbuhan bukan PMKS yang mencatat **2.7%**. Lebih membanggakan, sektor ini turut menjana hasil **RM152.2 bilion dalam eksport** dan membuka **peluang pekerjaan kepada 7.86 juta tenaga kerja**, menjadi bukti bahawa PMKS adalah tulang belakang kepada kestabilan dan kemakmuran ekonomi negara.

Namun, kejayaan ini tidak boleh berakhir di sini. Kita perlu terus menggapai **impian besar untuk menjadi peneraju ekonomi Asia**, seperti mana yang diaspirasikan dalam **Kerangka Ekonomi MADANI**. Kerajaan akan terus memperkukuh sektor PMKS dengan **pendekatan berfokus dan bersasar**, khususnya dalam industri berimpak tinggi. Tahun 2024 menyaksikan **325 program pembangunan PMKS** dirangka, dengan **RM33.8 bilion** diperuntukkan untuk memacu **lebih 570,000 PMKS** ke tahap lebih berdaya saing dan mampan.


Sebagai **Sekretariat Tetap Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (SEK-MPUPK)**, **SME Corp. Malaysia** terus komited dalam memperkukuh ekosistem PMKS. **Penerbitan Laporan Tinjauan PMKS 2023/24** ini menjadi bukti kesungguhan Kerajaan dalam memastikan maklumat strategik, dasar serta amalan terbaik PMKS menjadi sumber rujukan yang lebih berkesan untuk industri. InsyaAllah, langkah ini akan memperkukuh lagi ekosistem perniagaan serta menyusun semula komposisi PMKS dengan sasaran peningkatan firma bersaiz sederhana **daripada 1.8% pada tahun 2023 kepada 5.0% menjelang 2027**.



Tahun 2024 menyaksikan 325 program pembangunan PMKS dirangka, dengan RM33.8 bilion diperuntukkan untuk memacu lebih 570,000 PMKS ke tahap lebih berdaya saing dan mampan.



We do not aim for survival but we aim for dominance. Justeru, setiap usahawan, setiap syarikat dan setiap pemain industri perlu berganding bahu untuk membina ekosistem PMKS yang lebih kukuh dan lestari. Kita mahu melihat PMKS bukan sekadar bertahan, tetapi berkembang pesat, menembusi pasaran antarabangsa dan menjadi kuasa ekonomi yang disegani.



DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

